

NO. SOALAN: 16

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM

TARIKH : 1 NOVEMBER 2016

RUJUKAN : 9337

SOALAN:

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kenapa pengambilan pekerja asing dan Pekerja Asing Tanpa Izin, pembaharuan permit perlu diswastakan kepada My E.G. Bhd. yang menambahkan kos untuk mengaji pekerja asing.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berikutan masalah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang masih belum selesai serta adanya permintaan oleh pemimpin-pemimpin dari negara sumber terutamanya Indonesia dan Myanmar, Kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan Program Penggajian dan Penempatan Semula PATI atau Program *Rehiring* untuk memberi peluang kepada PATI yang bekerja secara haram di Semenanjung Malaysia diberikan permit kerja yang sah bagi memenuhi sektor pekerjaan yang dibenarkan. Selain itu, Program ini turut dirangka untuk memenuhi permintaan majikan untuk mengisi keperluan pekerja di sektor pekerjaan yang dibenarkan sahaja serta membolehkan Kerajaan mengetahui jumlah PATI dalam Negara bagi tujuan pemantauan dan memenuhi keperluan senario keselamatan semasa.

Memandangkan terdapat banyak kes-kes majikan yang ditipu semasa Program 6P, Kementerian melihat pelaksanaan Program ini akan lebih teratur dengan adanya pemantauan bersama dan jalinan kerjasama antara syarikat-syarikat yang dilantik. Syarikat-syarikat yang dilantik bertanggungjawab membimbing, menasihati dan memastikan Majikan dan PATI melalui proses dan prosedur Program *Rehiring* sebagaimana yang diputuskan oleh Kerajaan.

Syarikat-syarikat yang dilantik juga memainkan peranan membantu Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dari aspek pengurusan melibatkan pendaftaran, dokumentasi dan penyelarasan logistik iaitu:

- i) Mendaftarkan PATI yang layak menyertai Program *Rehiring* berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Setiap pendaftaran perlu dikeluarkan Sijil Perakuan Pendaftaran PATI;**
- ii) Membantu PATI memperbaharui dokumen perjalanan (pasport) yang telah tamat tempoh di Kedutaan yang berkaitan;**
- iii) Mengiringi Majikan dan PATI ke Bahagian Penguatkuasa, JIM untuk tujuan direkod keterangan, pembayaran kompaun dan pas khas;**
- iv) Mengiringi Majikan ke *One Stop Center* (OSC), Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk mendapatkan kelulusan kuota untuk menggaji pekerja asing;**
- v) Menguruskan pendaftaran PATI di FOMEMA bagi pihak Majikan;**

- vi) Menguruskan isu-isu dokumentasi dan pembayaran berkaitan penggajian pekerja asing di Bahagian Pekerja Asing, JIM bagi pihak Majikan; dan**
- vii) Mendapatkan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) di Bahagian Pekerja Asing, JIM bagi pihak Majikan.**

Syarikat-syarikat juga diwajibkan melaksanakan Program *Rehiring* secara atas talian mampu bagi membantu mengelakkan penglibatan orang tengah atau ejen. Tambahan pula, syarikat-syarikat juga memperkenalkan nilai tambah elemen keselamatan seperti pengecaman biometrik dan imej muka ke atas Majikan dan PATI bagi mengurangkan unsur-unsur penipuan identiti.

Kementerian melihat pelaksanaan Program *Rehiring* perlu dilaksanakan dengan berhati-hati dan terkawal supaya tidak berlaku kes-kes penipuan oleh individu-individu yang tidak bertanggungjawab yang cuba mengambil peluang untuk mengaut keuntungan daripada PATI terutamanya seperti mana yang berlaku semasa Program 6P dilaksanakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam pelaksanaan penyeragaman pembaharuan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) untuk semua sektor pekerja asing menerusi perkhidmatan atas talian (*online*) oleh MyEG secara dasarnya adalah untuk menangani isu penyelewengan dan persepsi

negatif terhadap JIM, meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan dan mengurangkan kesesakan di pejabat-pejabat imigresen.

Dalam pelaksanaan sistem MyEG ini, kuasa bagi mempertimbangkan dan meluluskan adalah di bawah kuasa dan tanggungjawab JIM sepenuhnya. MyEG hanya bertindak sebagai perkhidmatan *frontline* untuk memudahkan urusan dengan orang awam.